

Bismillahir Rahmanir Rahim.

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.

Segala puji bagi Allah Subhanahu Wata'ala, atas limpah dan kurnia-Nya jua kita dapat hadir di majlis yang berkebajikan ini, Selawat serta salam ke atas Junjungan kita Nabi Muhammad Sallahu Alaihi Wassalam, ahli-ahli keluarga dan para sahabat Baginda yang jujur lagi setia hingga ke akhir zaman.

Yang Mulia,
Dayang Hajah Aminah binti Haji Momin,
Pemangku Pengarah Dewan Bahasa dan Pustaka,
Pengerusi Bersama Majlis;

Yang Mulia,
Awang Haji Mohd. Don bin Haji Abd. Hamid,
Pemangku Pengarah Urusan Tabung Amanah Pekerja,
Pengerusi Bersama Majlis;

Yang Mulia,
Awang Haji Ismail bin Pehin Orang Kaya Pekerma Setia
Dato Paduka Haji Hashim,
Timbalan Setiausaha Tetap Kementerian Kebudayaan,
Belia dan Sukan;
Yang Mulia,
Awang Danny Quah,
Ketua Pegawai Eksekutif Bank Standard Chartered;

Yang Mulia Ketua-ketua Jabatan;

Jemputan-Jemputan Khas;

Guru-guru, Para Pelajar;

Hadirin dan hadirat yang dihormati sekalian.

Alhamdulillah, kita panjatkan syukur ke hadrat Allah Subhanahu Wata'ala kerana dengan taufik dan izin-Nya jua, membolehkan kita bersama-sama hadir di **MAJLIS PENYAMPAIAN HADIAH PERADUAN MENULIS KARANGAN MAJALAH MEKAR•JUARA PELAJAR 2010** dengan kerjasama Tabung Amanah Pekerja (TAP) dan didukung oleh Bank Standard Chartered pada pagi ini. Saya mengambil kesempatan ini untuk merakamkan penghargaan kepada Dewan Bahasa dan Pustaka kerana sudi mengundang saya selaku Tetamu Kehormat pada pagi ini.

Usaha menganjurkan Peraduan Menulis Karangan seumpama ini terutama dalam kalangan kanak-kanak dan pelajar di negara ini amatlah bersesuaian dan wajar diteruskan dalam usaha kita memartabatkan bahasa Melayu sesuai dengan kedudukannya sebagai bahasa rasmi negara seperti yang telah diperundangkan dalam Perlembagaan Negeri Brunei 1959 Bab 82 (i).

Kita mahu melihat penggunaan Bahasa Melayu di semua peringkat di seluruh negara. Kita perlu menghidupkan penggunaan Bahasa Melayu terutamanya di kalangan kanak-kanak dan para pemuda dan salah satu usaha ke arah ini ialah melalui rancangan-rancangan dan kegiatan-kegiatan yang dapat menarik perhatian kanak-kanak dan para pemuda kita untuk menempatkan penggunaan Bahasa Melayu dalam taraf yang lebih tinggi atau sekurang-kurangnya setaraf dengan penggunaan Bahasa lain. Dengan ini saya menyambut baik apa jua program yang dapat menjinak-jinakan para pemuda kita ke arah penggunaan Bahasa Melayu seperti Peraduan Menulis Karangan yang diadakan pada pagi ini. Projek seperti ini perlu dilakukan secara yang tersusun dan terarah dengan erti kata matlamat dan sasaran hala tuju perlu jelas sehingga mencapai sasaran dan terbukti dapat melahirkan pelajar yang benar-benar unggul bukan saja dalam bidang penulisan malah dalam pelbagai bidang ilmu dan kemahiran.

Di samping itu, penilaian juga perlu dibuat untuk melihat sejauh mana kejayaan peraduan ini dapat membantu para pelajar mencintai Bahasa Melayu dan dalam masa yang sama menyedari bahawa Bahasa Melayu itu mesti dipertahankan sebagai warisan budaya yang berharga daripada sebarang unsur atau pengaruh yang boleh mengurangkan penuturnya jauh sekali untuk dipinggirkan. Oleh kerana itu, Dewan Bahasa dan Pustaka harus secara proaktif memperkembangkan Bahasa Melayu dengan pelbagai bentuk kegiatan.

Dewan Bahasa dan Pustaka mesti berani menerokai sesuatu yang baru dan menarik perhatian awam, terutama golongan belia di negara ini supaya mereka mencintai Bahasa Melayu demi bangsa, agama dan negara dan mendukung falsafah Melayu Islam Beraja. Saya berharap Dewan Bahasa dan Pustaka dari semasa ke semasa akan meneruskan usaha untuk melipatgandakan peranannya dalam memartabatkan dan mengembangkan penyebaran Bahasa Melayu.

Penglibatan Tabung Amanah Pekerja (TAP) dan Bank Standard Chartered (SCB) sebagai "*Public Private Partnership*" dengan Dewan Bahasa dan Pustaka amatlah menggalakkan dalam sama-sama memartabatkan Bahasa Melayu melalui program-program yang tertentu termasuk program hari ini. Saya juga mengucapkan ribuan terima kasih atas kesediaan pihak Bank Standard Chartered menyumbangkan hadiah berupa Akaun Simpanan kepada para pemenang. Saya penuh yakin dengan penglibatan Tabung Amanah Pekerja (TAP) dan Bank Standard Chartered (SCB) sudah tentu akan membuka ruang dan pendedahan kepada para pelajar di negara ini untuk meningkatkan kesedaran kepentingan menabung dan menanamkan sikap budaya menyimpan, hemat berbelanja dan memahami kepentingan perancangan kewangan

di samping mendukung perkembangan Bahasa Melayu di negara ini.

Tahniah dan syabas saya ucapkan kepada pelajar yang telah berjaya dan kepada pelajar yang kurang bernasib baik, janganlah berputus asa dan tidak berkecil hati teruskan usaha kerana peluang untuk menyertainya peraduan ini sentiasa terbuka, cuba lagi pada masa akan datang.

Syabas kepada Pengerusi Majlis, Ahli-Ahli Jawatankuasa, dan mereka yang terlibat kerana berjaya menganjurkan Peraduan Menulis Karangan Majalah Mekar·Juara Pelajar 2010. Mudah-mudahan usaha yang abiskita usahakan ini akan membuahkan hasil yang tinggi nilainya dan dapat pula mewarnai suasana penulisan tanah air, membangun minda dan sikap positif khususnya golongan pelajar agar terus kreatif dan inovatif dalam apa jua bidang yang diceburi.

Sekian, Wabillahit Taufiq Walhidayah,

Wassalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.